

um 24/09/2001 24:6 um/1~



SEBUAH unit kediaman contoh yang ditawarkan kepada pembeli lot banglo di Kolej Heights Utara di bandar Darulaman, Kedah.

Kolej Height Utara dapat sambutan

Oleh LUQMAN HAKIM

ALOR SETAR 25 Sept. — Kolej Height Utara (KHU) telah mencatatkan jualan yang menggalakkan bagi lot-lot banglo apabila 240 daripada 290 lot dalam fasa pertama dan kedua yang ditawarkan telah habis dibeli.

Penolong Pengurus Pemasarannya, Rick Low berkata, catatan jualan itu merupakan pencapaian menggalakkan sejak ia dilancarkan pada 5 Julai tahun lalu.

Katanya: "Sambutan yang diberikan itu adalah di luar dugaan kerana ia merupakan kali pertama konsep kediaman sedemikian rupa diperkenalkan di negeri ini."

Beliau berkata, kejayaan awal itu menggalakkan anak syarikat milik Country Height Holdings Bhd. untuk meneruskan penjualan dua lagi fasa yang mengandungi 672 lot.

Sambil memberitahu pembelian itu sebagai pelaburan jangka panjang yang baik, Low berkata, harga tanah lot yang ditawarkan pada harga antara RM17 hingga RM20 sekaki persegi setahun lalu, telah meningkat kepada RM23 sekaki persegi.

Beliau berkata, selain menawarkan lot-lot banglo, Kolej Height Utara juga akan menawarkan 170 lot kediaman desa (country home) yang dikenali sebagai villa dan rumah kelab.

Kemudahan

"Kami menjangka menyiapkan semua kemudahan landskap dan prasarana untuk pembangunan seluruh kawasan ini dalam tempoh lima tahun lagi.

"Para pemilik lot dibolehkan membina banglo sendiri selain yang ditawarkan oleh syarikat dan apabila siap sepenuhnya kelak, mereka akan men-

dapat kemudahan seperti kawalan keselamatan 24 jam dan kutipan sampah harian," jelas Low.

Rick juga yakin mendapat permintaan yang tinggi bagi projek itu kerana lokasinya yang strategik, iaitu berdekatan dengan Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Lebuh Raya Utara-Selatan dan beberapa pusat pengajian tinggi seperti Universiti Utara Malaysia (UUM).

"Sekarang kami ada menawarkan enam buah contoh kediaman daripada reka bentuk banglo moden hingga ke rumah kampung untuk pilihan pembeli.

"Tetapi bagi pembeli yang berminat, kami turut menawarkan kadar rebat yang menarik menjadikan pembelian lot banglo di sini suatu pelaburan yang menguntungkan," kata beliau lagi.